

24/10/2002

Bank perlu biaya sektor pertumbuhan baru: Zeti

Munaarfah Abu Bakar

BANK tempatan masih tidak memberi pinjaman yang cukup dan menjauhkan diri daripada sektor pertumbuhan baru seperti pertanian dan industri berasaskan sumber.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata, kegagalan bank memahami pelbagai keperluan sektor ekonomi mungkin menjadi penyebab fenomena itu lantas menyebabkan pemberian pinjaman masih tidak seperti diharapkan.

"Adakah bank memberi pinjaman yang cukup? Pada saya, dalam sektor pertumbuhan baru bank tidak memberi pinjaman yang cukup... mereka mengambil sikap sangat berhati-hati apabila tidak mempunyai kepakaran yang cukup dalam sektor terbabit," katanya pada majlis makan tengah hari dengan editor kanan New Straits Times (NST), di Kuala Lumpur, semalam.

Keengganan sektor perbankan memberi pinjaman menyebabkan ia menerima kritikan meluas, daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ketika membentangkan Bajet 2003/2004 sehinggalah kepada peserta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Walaupun aktif dalam pinjaman pengguna dan PKS yang berkembang antara sembilan hingga 10 peratus tahun ini, keengganan membiayai pinjaman korporat menyekat pertumbuhan keseluruhan.

Zeti berkata, kumpulan berkenaan (pengguna dan PKS) tidak membuat pinjaman besar iaitu sekitar RM30 juta dan RM40 juta, oleh itu, apabila melihat kepada data agregat, ia tidak berkembang.

"Selain itu, wujud juga aliran baru yang menunjukkan syarikat korporat meningkatkan modal menerusi pasaran hutang persendirian yang semakin berkembang," katanya.

Penganalisis menjangkakan pertumbuhan pinjaman untuk industri perbankan akan berada pada paras di sekitar empat hingga lima peratus tahun ini.

Zeti berkata, untuk menjadi lebih sensitif terhadap keperluan korporat, bank perlu menukar kaedah pinjaman kerana wujud permintaan dalam sektor yang mereka kini masih teragak-agak untuk meneroka.

"Bank memerlukan produk yang baik. Mereka perlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan khidmat sokongan. Pemberian pinjaman tradisional tidak akan mencukupi," katanya.

Berikutan itu, Zeti berkata, Bank Negara dengan beberapa pihak lain sedang berusaha mewujudkan pusat sehati untuk membantu mewujudkan kaedah pinjaman mudah bagi sektor pertanian.

Pusat itu akan disambungkan dengan rangkaian maklumat mengenai pertanian bagi membolehkannya menyediakan kemahiran penilaian yang diperlukan untuk memberi pinjaman kepada sektor berkaitan.